

PUSAT DOKUMENTASI MELAYU
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA CAWANGAN SABAH

KERATAN: New Sabah Times TARIKH: 20/10/2014
M/S : (10)

Kepenyairan wanita, tumpuan Ramlah AR

OLEH YATIM AHMAD

*ST
0/10/14
(10)*

RAMLAH ABD RASID atau Ramlah AR lahir pada 17 Oktober di Kota Kinabalu. Bertugas sebagai guru kini melanjutkan pengajian sarjana di Universiti Malaysia Sabah (UMS) adalah penyair dan penulis Negeri di Bawah Bayu yang muncul pada era Alaf Baru, pada 1990-an. Mendapat pendidikan di Sekolah Menengah Kerajaan (SMK Majakir, Papar, mula menulis pada 1988, dan pernah berhenti menulis kira-kira 10 tahun dan kembali di persada sastera Sabah pada 2012.

Selepas kembali dari Johor pada 2012, Ramlah adalah antara lapan penulis yang menganggotai kumpulan sastera alam maya Rakan Sastera bersama Kathrina Tati Sitaim (ketua) dan Yatim Ahmad sebagai tenaga pengajar, manakala ahli lain ialah Azridah PS Abadi, Sofie Clara, Stefi Yalim, Myzan Ezanyan dan Norina Shamsuddin. Kemudian kumpulan ini mencatat sejarah apabila menjadi kumpulan sastera alam maya yang pertama menerbitkan buku antologi puisi 'Kelarai'.

Dalam antologi itu, semua penulis dan penyair menyumbang 15 sajak hasil apresiasi mereka dalam kumpulan. Antologi 143 muka surat itu la diterbitkan oleh Kalam Nurani.

Dan Ramlah yang menjurus genre puisi telah muncul antara penulis yang paling berbakat, kerana begitu cepat menemukan rentak kepengarangannya yang pernah ditinggalkan lama kerana berpindah dan mengajar di Johor Bahru.

Sejak Kelarai diterbitkan, Ramlah terus membangunkan kepengarangannya dengan menyertai pelbagai sayembara dan pernah menang sayembara Hadiah Sastera ITBM menerusi Kumpulan Puisi 'Perahu'. Selain itu, menang hadiah sastera genre cerpen Sedco-Bahasa-NST, Perpustakaan Negeri Sabah (PNS) dan Hadiah Novel Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah (LKNS) semuanya pada 2012 hingga 2013.

Aspek paling menonjol Ramlah dalam puisi ialah menuntut panel hakim ITBM, memiliki gaya tersendiri untuk menjadikan 'Perahu' relevan dalam pelbagai isu kemasyarakatan selain apresiasi dan pengalaman penyair terhadap persekitarannya. Mungkin kenyataan ini tidak menjadikan Ramlah terus mengungguli persada kepenyairan Sabah, tetapi kehadirannya selepas senyap 10 tahun, memberikan kepelbagai bentuk pengucapan puisi di negeri di Bawah Bayu ini.

Satu daripada puisi yang menarik sejak kemunculan semula Ramlah pada 2012 ialah sajak berjudul 'Wanita':

*Warna-Warni dingin
biarlah kelarai
terus dianyam
menjadi hamparan
lalu cinta yang
warna-warni
disimpul
mimpi
indah
mendinginikan
(Kelarai, 2012)*

Saya memetik sajak ini pada antologi berkenaan kerana mahu melihat betapa selepas meletakkan pena selama 10 tahun, daya pengucapan Ramlah begitu cepat menemukan rentak kepengarangannya, terutama sajak. Dengan menghayati bait-bait sajaknya di atas, kita boleh mengukur betapa Ramlah memberikan gambaran siapa wanita itu - warna-warni, katanya adalah suatu elemen yang pelbagai dalam membentuk kepelbagai ragam, sikap, penampilan dan pemikiran wanita. Dingin - yang disebut saya fikir adalah kebijaksanaan mereka menyerap pelbagai rintangan dan cabaran dan kelihatannya mereka (wanita) tidak begitu agresif dalam menangani perkara yang di luar kemampuan mereka, di sebalik kebolehan mereka mengatasi masalah. Juga kerana sajak ini jika

dikaitkan dengan cinta, maka ia memperlihatkan betapa mereka inginkan kebahagiaan tanpa suatu halangan yang merosakkan ketenteraman itu.

Jika kita kaji dari sudut perkembangan sastera Sabah, Ramlah adalah kesinambungan daripada pertembungan antara era 1990-an dan alaf baru (khusunya Sabah) di mana pergerakan sastera bakal menemukan gerakan yang lebih mencabar pada era sastera siber, yang kini berpaksi kepada kerancakan halaman sosial (facebook).

Dengan era baru ini, kepengarangan seni kreatif menemukan kunci gerakan pantasnya dengan menghasilkan penulis baru yang banyak belajar daripada komitmen sastera alam maya banding dahulu menerusi bengkel kepenulisan arus perdana terutama yang diigerakkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka cawangan Sabah (DBPS) serta persatuan penulis negeri yang lain.

Era sastera siber juga boleh dianggap mengemerpaskan semula penulis yang muncul pada era 1970-an, 1980-an yang mula mengundur diri telah ikut serta dalam perkembangan ini. Antara penyair dan penulis yang muncul antara pertembungan era moden Sabah (1990-an) dengan era sastera siber ialah Jasni Matlani, Hasyuda Abadi, Abd Naddin Haji Shaiddin, Obasiah Haji Osman, Arifin Arif (Datuk), Siti Rahmah G Ibrahim, Ailin Nor, Juri Durabi, Marian Omar, Bubil Angkui, A Karim Kadir, Jaafar Abul Wahid, Mohd Hadie Nor D, Jair Sulai (Allahyarham) Mohammad Zain AH.

Semua ini menunjukkan bukan sahaja cuba memberikan kelairan dalam prosa, malah mempopulri penulisan berbagai variasim terutama gaya bahasa yang relatif pendek dan naratif. Ini termasuk oleh penyair wanita seperti Hajah Zaiton haji Ajamain, Ony Latifah, Sasjira, Noraini Osman, Kathrina Tati, Hanisah Hassan, Sitti Hadiah Haji Abdul Mutualib, Jariah Taha, dan Ramlah.

Ditambah pelbagai pertemuan penulis, Sabah terus melahirkan penulis yang dibentuk oleh persatuan penulis atau kalangan penulis mapan itu sendiri hingga menghasilkan daya cipta yang kuat dan terkeluar daripada gaya bahasa tradisi apabila pertembungan berlaku dengan penulis dari luar negara terutama Indonesia.

Sementara itu selain kepenyairan Ramlah juga berkesan dalam prosa iaitu cerpen dan apabila membaca cerpennya yang siarkan oleh NST berjudul 'Jambatan Usang' memperlihatkan kekuatannya dalam meneliti permasalahan hidup masyarakat di bandar besar. Ia adalah berkaitan nasib masyarakat tempatan apabila proses pembangunan tidak mengambil kira kepentingan masyarakat marhaen.

Cerpen ini mengisahkan seorang guru yang mengambil berat pembelajaran anak didiknya apabila sering tidak hadir ke sekolah dan selepas menyiasat puncanya dia ditemukan satu perkampungan di tengah bangunan bertingkat dengan keadaan yang amat daif.

Jadi gambaran ringkas cerpen ini ialah ketidaktelusan pihak berkuasa tempatan untuk menyelaraskan pembangunan antara kampung warisan dan pembangunan material dalam bandar itu hingga menjelaskan keupayaan penduduk mendapatkan nikmat pembangunan, kerana terbiar dalam keadaan yang kotor hingga menjelaskan kesihatan dan keupayaan untuk mendapatkan pendidikan.

Kita amat berharap, sastera tersu menjadi pemangkin kepada ketelusan mengurus masyarakat dengan menitik beratkan aspek persaingan untuk menikmati pembangunan. Di samping itu, sastera etnik yang kini dipelopori oleh Momogunsia iaitu badan penulis yang baru sahaja digerakkan semula, perlu menyediakan pelbagai bahan rujukan untuk membolehkan penulis berkenaan mendekati persoalan ini.

Ini kerana, sastera etnik akan menjadi benteng terakhir untuk mengembalikan keperibadian masyarakat untuk mengekalkan adat resam mereka yang kini semakin dilupakan dan ada antaranya pupus. Ini tidak bermaksud adat resam semata-mata, tetapi turut didedahkan bagaimana indahnya pengucapan sastera etnik dari segi

bacaan untuk pelbagai acara dan majlis yang merupakan pantun, sajak dan gurindam, selain bacaan mantera untuk tujuan ikhtiar penyembuhan (mengikut kepercayaan masing-masing).

Dengan Momogunsia mungkin berusaha mengumpulkan pendokumentasian berkenaan adalah diharap kita bukan sahaja mengekalkan adat resam, malah mengembalikan kegemilagannya di mana yang terdaya.

Proses mengikis jati diri kerana globalisasi ini semakin menjerut keperibadian kita kerana itulah tujuannya diperkenalkan supaya pihak Barat mahu kita mencontohi mereka dalam melayani kebebasan hak bersuara dalam apa sahaja bentuk untuk menjadikan kita manusia yang mementingkan diri sendiri, tidak prihatin terhadap sesama sendiri dan akhirnya porak peranda kerana masalah sosial yang menyusul kemudian.

Itulah maknanya kita harus memasyarakatkan sastera dari sekarang, dengan tidak hanya menumpukan hanya pertemuan di dewan tertutup, tetapi semua resolusi harus digerakkan di akar umbi, barulah sastera berkesan untuk mempertahankan bahasa dan budayanya.